

10/10/2001

Kedatangan tetamu kerajaan meningkat

LANGKAWI, Selasa - Peningkatan bilangan tetamu kerajaan pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) membuktikan keyakinan pengunjung luar terhadap negara ini walaupun wujud kebimbangan mengenai keadaan semasa berikutan serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pameran kali ini mencatat peningkatan sembilan peratus bilangan tetamu kerajaan berbanding Lima '99.

"Tetamu kerajaan asing yang hadir pada Lima '01 termasuk Menteri, Setiausaha Agung, Ketua Angkatan Pertahanan, Ketua Perkhidmatan dan Ketua Polis.

"Sultan Brunei juga dijadual menyaksikan pameran edisi keenam itu esok (hari ini)," katanya selepas perasmian Lima '01 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zaini; dan Pengerusi Le Proton Lima Sdn Bhd (Le Proton Lima), Datuk Radzi Manan.

Najib berkata, serangan terhadap Amerika 11 September lalu menyebabkan penyertaan pesawat bagi segmen udara berkurangan sebanyak 20 peratus selain penarikan diri pasukan aerobatik udara Thunderbirds dari Amerika dan Red Arrows dari United Kingdom.

"Tetapi, Lima kali ini mencatat sedikit peningkatan ruang pameran sebanyak 10 peratus dengan 300 peserta pameran dari 22 negara," katanya.

Sementara itu, Radzi berkata, pameran kali ini menggabungkan sedikit kelainan kerana pembabitian langsung badan kerajaan dalam segmen udara seperti Majlis Industri Pertahanan bagi memberi maklumat mengenai pembangunan industri aeroangkasa di Malaysia.

"Gerei khas diwujudkan di Dewan A bagi tujuan itu dan diharap peserta dan pengunjung akan menggunakan sepenuhnya peluang ini" katanya.

Beliau berkata, bagi sektor maritim, Lima '01 menyaksikan penyertaan paling banyak kapal berbanding Lima sebelum ini.

(END)